MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

Rujukan kami : KKM87/A2/100-1/22 Jld.8 (35)
Tarikh : 17 APRIL 2017

YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor
Menteri Wilayah Persekutuan
Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 4, Blok 2, Menara Seri Wilayah
62100 PUTRAJAYA

Yang Berhormat Datuk Seri Utama,

LESEN PERNIAGAAN OLEH DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL) KE ATAS KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA (KPJKS) TERMASUK KLINIK SWASTA

... Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas. Surat Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) kepada Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja (No Ruj: MMA 1031/8) bertarikh 14 April 2017, yang turut disalinkan kepada YB Datuk Seri Utama, adalah berkaitan (rujuk ***Lampiran 1***).

... 2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ambil maklum bahawa mulai 1 September 2016, pihak DBKL mengenakan lesen perniagaan terhadap premis-premis perniagaan selaras dengan Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 *[P.U. (A) 230]*. Premis perniagaan yang terlibat termasuklah KPJKS seperti klinik dan hospital swasta. Susulan itu, persatuan-persatuan profesional perubatan dan pergigian termasuk MMA telah menyuarakan ketidakpuasan hati mereka, terutamanya apabila terdapat pengamal perubatan yang telah dikenakan notis kesalahan dan dikenakan kompaun dengan kadar maksimum RM2000, atas alasan menjalankan **aktiviti perniagaan tanpa lesen** (rujuk ***Lampiran 2***).

3. Sehubungan itu, KKM ingin memohon kerjasama pihak YB Datuk Seri Utama supaya dapat menyemak semula keperluan DBKL mengenakan lesen

perniagaan ke atas KPJKS yang berdaftar atau berlesen di bawah Akta 586, atas sebab-sebab seperti berikut:

... 3.1. **Lima (5) alasan** yang dinyatakan dalam surat YBhg Datuk Ketua Pengarah Kesihatan kepada YBhg Datuk Bandar Kuala Lumpur bertarikh 19 Januari 2016 (rujuk ***Lampiran 3***), antara lain;

(a) Merujuk kepada perenggan 4(d), *Registration of Businesses Act 1956* [*Act 197*], yang menetapkan peruntukan tersebut tidak terpakai untuk profesion yang dikawalselia di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

(b) KPJKS di Malaysia dikawal dan dikawalselia di bawah suatu Undang-Undang Persekutuan (*Federal Law*) iaitu Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]. Merujuk Sekyen 4, Akta 586, Perakuan Pendaftaran hanya boleh dikeluarkan, bagi –

(i) klinik perubatan swasta, kepada seorang pengamal perubatan yang berdaftar bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*]; dan

(ii) klinik pergigian swasta, kepada seorang pengamal pergigian yang berdaftar di bawah Akta Pergigian 1971 [*Akta 51*], atau suatu syarikat yang berdaftar bawah Akta Syarikat 1965, dimana semua ahli lembaga syarikat tersebut adalah pengamal pergigian berdaftar bawah Akta 51.;

(c) Klinik swasta atau KPJKS yang beroperasi tanpa pendaftaran atau kelulusan atau lesen boleh diambil tindakan perundangan bawah Seksyen 3, 4 & 5, Akta 586;

(d) Senarai klinik swasta atau KPJKS yang berdaftar boleh dimuat turut di laman web Bahagian Amalan Perubatan http://medicalprac.moh.gov.my/, *click ckaps*, dan *senarai kemudahan & perkhidmatan jagaan kesihatan swasta*; dan

(e) Lesen perniagaan tambahan oleh DBKL tersebut bertentangan dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan beban perniagaan yang tidak wajar dan mengelakkan

duplication sepertimana yang dinyatakan dalam *Recommendations report, "Reducing Unnecessary Regulatory Burdens on Business"* yang dikeluarkan oleh *Malaysia Productivity Corporation* (MPC).

3.2. KPJKS perlu mematuhi ketetapan dari segi kemudahan, perkhidmatan dan profesional jagaan kesihatan di bawah Akta 586 dan mendapatkan kelulusan KKM terlebih dahulu, sebelum boleh beroperasi (*menjalankan aktiviti perniagaan*);

3.3. Keperluan lesen perniagaan bawah DBKL boleh mengelirukan pemohon dan orang ramai, sehingga menyebabkan pihak premis beranggapan mereka boleh beroperasi dengan lesen perniagaan tersebut, sedangkan di bawah Akta 586, mana-mana KPJKS perlu mendapatkan kelulusan daripada KKM terlebih dahulu sebelum memulakan operasi; dan

3.4. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) melalui surat masing-masing bertarikh 4 November 2015, dan 25 Februari 2016 mengenai pengecualian lesen perniagaan kepada mana-mana klinik swasta yang beroperasi di kawasan MBSA dan MBAS, selaras dengan ketetapan undang-undang sedia ada, seperti *Registration of Businesses Act 1956 [Act 197]* dan Akta 586.

4. Walau bagaimanapun, KKM **tiada halangan** sekiranya pihak DBKL ingin mengutip bayaran bagi perkara-perkara selain daripada lesen perniagaan, seperti sewaan tapak letak kereta, lesen iklan papan tanda premis dan sebagainya.

... 5. Untuk makluman YB Datuk Seri Utama, perkara ini telah dimaklumkan oleh pegawai KKM dalam mesyuarat bersama Pengarah Jabatan Pelesenan Dan Pembangunan Penjaja DBKL pada 21 Mac 2017. Namun, pihak KKM dimaklumkan bahawa DBKL telah mengeluarkan surat kepada MMA bertarikh 3 April 2017, menyatakan bahawa rayuan pengecualian bayaran lesen premis tidak dapat dipertimbangkan, sebaliknya hanya bersetuju memberi potongan 25% daripada kadar fi lesen (rujuk ***Lampiran 4***).

6. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak YB Datuk Seri Utama supaya dapat mempertimbangkan cadangan KKM supaya **penguatkuasaan undang-undang kecil,** P.U. (A) 230 **tersebut ditangguhkan** dan **disemak semula** oleh **Pejabat Peguam Negara**, bagi memastikan ketidakpuasan hati kumpulan profesional dapat diselesaikan dengan baik tanpa sebarang implikasi perundangan.

7. Perhatian dan pertimbangan YB Datuk Seri Utama, untuk menyelesaikan perkara ini dengan baik, demi kepentingan rakyat dan orang ramai termasuk terhadap kumpulan profesional yang berkaitan amat dihargai dan dialu-alukan.

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pendaftaran dan pelesenan KPJKS termasuk klinik dan hospital swasta, pihak YB Datuk Seri Utama boleh berhubung terus dengan pegawai-pegawai KKM iaitu Dr. Ahmad Razid Salleh, Pengarah Amalan Perubatan di Nombor Tel: 03-8883 1039 atau Dr. Afidah Ali, Timbalan Pengarah (CKAPS) di Nombor Tel: 019-231 3868.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang Ikhlas,

(DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM)

s.k:

YBhg Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

YBhg Datuk Dr. Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Ahmad Razid bin Salleh
Pengarah Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

SUSK kepada
YB Timbalan Menteri Kesihatan

Presiden
Malaysian Medical Association

Presiden
Malaysian Dental Association

Presiden
Federation of Private Medical Practitioners' Associations, Malaysia

Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia